



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| | |
|------------------|---------------|
| Newspaper | Berita Harian |
| Date | 11/7/2011 |

Perhimpunan haram tak capai matlamat, akibatkan kerugian besar

BANDAR RAYA Kuala Lumpur kelmarin sekali lagi menjadi medan perhimpunan haram yang disertai oieh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan parti politik pembangkang. Perhimpunan itu pada mulanya dijanjikan akan berlangsung secara aman, namun apa yang berlaku adalah sebaliknya. Tindakan pantas dan cekap anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pasukan keselamatan berjaya menghalang mereka daripada melakukan huru-hara di negara yang aman ini. Tindakan segera dan berkesan anggota keselamatan mengawal perhimpunan itu menyebabkan keadaan kembali tenang dalam tempoh beberapa jam dan dapat menghindarkan situasi yang memaksa kerajaan

mengisytiharkan darurat. Dengan melancarkan slogan 'reformasi', ternyata Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim cuba mendapatkan semula momentum penentangan terhadap kerajaan yang dimulakannya pada 1998. Beliau memperalatkan penganjur perhimpunan itu, Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) untuk mencapai matlamat politiknya. Yang jelas penunjuk perasaan itu tidak berarak ke Istana Negara dan menyerahkan memorandum kepada Yang di-Pertuan Agong bagi memberi pandangan dan mengemukakan lapan tuntutan mengenai proses pilihan raya seperti dikehendaki Pengerusi BERSIH, Datuk Ambiga Sreenivasan sejak awal lagi. Apa

yang berlaku ialah mereka berarak dari pelbagai penjuru bandar raya dan merusuh dengan menggunakan senjata dan batu untuk melawan anggota polis.

Perhimpunan itu bukan saja tidak mencapai matlamat tetapi juga mengakibatkan kerugian besar kepada perniagaan di sekitar ibu kota. Pengangkutan awam juga terjejas dan orang ramai yang cintakan kedamaian terpaksa berkurung di rumah kerana bimbang akan berlaku sesuatu tidak diingini. Pihak penganjur perhimpunan haram ini tahu kesan yang boleh menimpa rakyat sekiranya diteruskan, namun mereka tetap berdegil kerana ingin memenuhi ego dan kepentingan diri masing-masing. Justeru, kita amat meng-

hargai tindakan pihak keselamatan yang mengambil langkah perlu bagi menangani situasi itu sebelum ia mencetuskan ketegangan di negara ini yang mempunyai masyarakat pelbagai kaum. Penting bagi kita memelihara perpaduan yang ada dan bukannya mewujudkan suasana yang boleh memecah-belahkan masyarakat dan merugikan negara. Kita berpendapat bukan begini caranya bagi BERSIH atau pertubuhan politik untuk memberi pandangan mengenai kelemahan sistem pilihan raya di negara ini. Kaedah perundingan untuk mencari titik pertemuan adalah cara lebih baik dan berkesan daripada merusuh tidak tentu hala atau mewujudkan kekacauan.